

Headline	Sabah rancang ambil alih SESB		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	21
ArticleSize	229 cm <sup>2</sup>	Journalist	Rafiqah Dahali
PR Value	RM 26,961		



## KAWAL SELIA SEKTOR BEKALAN ELEKTRIK

# Sabah rancang ambil alih SESB

Oleh Rafiqah Dahali  
am@hmetro.com.my

### Kota Kinabalu

**K**erajaan negeri merancang untuk mengambil alih Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) sepenuhnya dalam tempoh tujuh tahun ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor berkata, pihaknya akan mencari inisiatif bagi melaksanakan perkara terbabit susulan Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS) yang sudah ditubuhkan bagi mengawal selia aktiviti bekalan gas daratan dan elektrik serta tenaga boleh baharu.

“Pemilikan SESB di peringkat negeri hanya 17 peratus manakala Tenaga Nasional Berhad (TNB) memiliki SESB sebanyak 83 peratus,” katanya ketika berucap dalam sidang khas Dewan Undangan Negeri (Dun) berkaitan pengambilalihan kuasa kawal selia bekalan elektrik daripada Kerajaan Persekutuan, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Hajiji turut berkata, pihaknya sudah merangka beberapa langkah penyelesaian bagi mengatasi masalah bekalan elektrik di negeri ini.

Menurutnya, faktor utama yang menyumbang kepada pemasalahan bekalan elektrik ketika ini bukan berpunca daripada kekurangan kapasiti penjana semata-mata.

Katanya, ia juga atas disebabkan kenaikan beban pengguna (daripada lazimnya 900 megawatt ke 1,100 megawatt dalam tempoh setahun) lanjutan daripada pembangunan ekonomi yang rancak di negeri ini.

“Maka fokus utama kerajaan negeri adalah untuk memastikan Pelan Pembangunan Penjana jangka pendek dilaksanakan secara ‘fast track’ bagi mencapai jidar simpanan penjana ke tahap kukuh iaitu 30 peratus secepat mungkin,” katanya.

Antaranya, penyewaan set janakuasa berasaskan bahan api diesel sehingga 100 megawatt secara ber-

peringkat iaitu 40 megawatt pada Disember tahun lalu dan 60 megawatt pada Mac ini.

Selain itu, perlanjutan operasi loji janakuasa berasaskan bahan api diesel sedia ada di Tawau sebanyak 70 megawatt juga dilaksanakan.

Disamping itu, Hajiji juga berkata, cadangan pemasangan ‘Battery Energy Storage System’ atau BESS sebanyak 100 megawatt yang dijadualkan untuk penyiapan pada 2026 akan diawalkan untuk sasaran penyiapan pada tahun ini.

“Pengoperasian sumber tenaga hijau melalui program tarif galakan dari sumber mini hidro berkapasiti 31.6 megawatt dan biogas berkapasiti 5.6 megawatt dilakukan pada tahun ini

“Di samping itu, terdapat projek talian penghantaran utama 275 kiloVolt iaitu penyiapan talian penghantaran sambung-tara grid Sabah dengan Sarawak dan projek talian penghantaran Southern Link,” katanya.